

**DM 6 MODEL PERINTIS KAMPUNG HIJAU**

**DM 6.2: Cadangan Pemberian Insentif Berdasarkan Amalan Hijau Komuniti Desa**

**CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM**

**Justifikasi Cadangan:**

- Pelaksanaan pemberian insentif akan diberikan kepada komuniti desa yang mempraktikkan amalan hijau.
- Usaha ini mampu memberi galakan dan sokongan kepada komuniti desa untuk mempraktikkan amalan hijau dalam setiap rutin harian mereka.

**Komponen Cadangan:**

- Menetapkan indikator pencapaian bagi praktis amalan hijau mengikut pakej yang ditetapkan.
- Pemberian insentif diberikan kepada komuniti desa yang mencapai indikator ditetapkan.
- Penyediaan platform promosi bagi menentengahkan komuniti ini dalam sektor pelancongan.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Melibatkan pemberian insentif mengikut tahap fasa yang telah mencapai indikator pencapaian yang ditetapkan.
- Memperkenalkan anugerah pengiktirafan kepada kampung yang mempraktikkan amalan hijau mengikut kategori ditentukan seperti:
  - Anugerah Kampung Hijau Inovatif (Anugerah Utama)
  - Anugerah Penglibatan Komuniti Desa Hijau Aktif
  - Anugerah Kampung Hijau Sifar Sisa
  - Anugerah Belia Kampung Hijau Aktif



**CADANGAN LOKASI**

Cadangan ini melibatkan **lapan (8) Kampung.**

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar/Desa
Johor Bahru	2	-
Kulai	2	-
Kota Tinggi	-	2
Pontian	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>4</b>

**AGENSI PELAKSANA**


Pemula	Pelaksana
• KPLB	• KPLB
• Pejabat Daerah	• Pejabat Daerah

**ANGGARAN KOS**

- Pemberian insentif mengikut fasa pakej – RM30,000= RM 720,000
- Bengkel/ Latihan - RM 10,000 = RM 240,000
- Kos Anugerah (Piala Utama & Hadiah) = RM 5,000 x kg/ tahun = RM 120,000
- Kos pemasaran/ promosi – RM 5,000/ daerah

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 1,100,000**

**FASA PELAKSANAAN**



Jadual 7.33: Antara Indikator Pencapaian Prestasi – ‘Kampung Hijau’ Mengikut Fasa Pelaksanaan

ASPEK	INDIKATOR PENCAPAIAN	FASA	TAHAP PENCAPAIAN				
			1	2	3	4	5
<b>FASA PELAKSANAAN PAKEJ 1</b>							
1	Kadar Pemasangan SPAH atau kaedah penjimatan air lain bagi setiap unit kediaman penduduk.	QW (2023-2024)					
2	Perletakan Tong Sampah Kitar Semula di setiap unit bangunan kemudahan masyarakat di kampung perintis.						
3	Penyertaan dan penglibatan penduduk dalam usaha pengumpulan barangan kitar semula - Program Desa <i>Waste to Cash</i> di setiap unit kemudahan kediaman penduduk.						
<b>Purata</b>			<b>%</b>				

ASPEK	INDIKATOR PENCAPAIAN	FASA	TAHAP PENCAPAIAN				
			1	2	3	4	5
<b>FASA PELAKSANAAN PAKEJ 2</b>							
1	Penyertaan dan penglibatan menyeluruh komuniti desa dalam program pengkomposan sisa makanan (Sisa kepada Baja).	QW (2023-2024)					
2	Penyediaan tong pengkomposan mudah alih bagi setiap unit kediaman penduduk.						
3	Penyertaan komuniti terhadap latihan atau bengkel secara berkala teknik – teknik pengkomposan amalan hijau yang efektif.						
<b>Purata</b>			<b>%</b>				

ASPEK	INDIKATOR PENCAPAIAN	FASA	TAHAP PENCAPAIAN				
			1	2	3	4	5
<b>FASA PELAKSANAAN PAKEJ 3</b>							
1	Penglibatan komuniti dalam usaha penghijauan landskap di kawasan kampung perintis dan rumah kediaman.	F1 (2025-2027)					
2	Mengaplikasi kaedah teknologi pertanian mampan iaitu secara aquaponik dan hidroponik dalam kaedah pertanian.						
3	Pengusahaan secara usaha sama - laman atau kebun komuniti kampung perintis dimana hasil tanaman dikongsi di kalangan penduduk atau dikomersialkan ke pasaran luar melalui media sosial dan sebagainya.						
4	Jumlah sumber pertanian yang dihasilkan daripada kaedah amalan hijau.						
<b>Purata</b>			<b>%</b>				

ASPEK	INDIKATOR PENCAPAIAN	FASA	TAHAP PENCAPAIAN				
			1	2	3	4	5
<b>FASA PELAKSANAAN PAKEJ 4</b>							
1	Mewujudkan platform promosi produk hijau untuk dikomersialkan hasil daripada kaedah amalan hijau.	F1 (2025-2027)					
2	Penubuhan Sudut Ekonomi Pengusaha Ekonomi Hijau.						
<b>Purata</b>			<b>%</b>				
<b>Purata Keseluruhan</b>			<b>%</b>				

\*Nota:

- Lebih >60% berpotensi untuk meningkat ke tahap pakej yang seterusnya.
- Peratus purata keseluruhan tertinggi akan mendapat Anugerah Kampung Hijau.

Peratusan Tahap Pencapaian

- Tahap 5: 80% - 100%
- Tahap 4: 60% - 79%
- Tahap 3: 50% - 59%
- Tahap 2: 40% - 49%
- Tahap 1: 20% - 39%

Pemberian insentif akan diberikan kepada model perintis kampung desa yang dapat mempraktikkan gaya amalan hijau dalam setiap rutin harian mereka.

Peningkatan ke pakej yang seterusnya akan ditentukan oleh nilai peratusan indikator pencapaian tahap pelaksanaan. **Lebih 60% daripada pemarkahan tahap pelaksanaan berpotensi untuk meningkat ke tahap pakej yang seterusnya.**

Selain itu, peratus (%) keseluruhan tertinggi akan mendapat Anugerah Kampung Hijau bagi kampung yang mempraktikkan amalan hijau secara menyeluruh.

### INDIKATOR PENCAPAIAN TAHAP PELAKSANAAN





Foto: Program Kebun Komuniti sebagai inisiatif penghijauan desa.



Foto: Latihan Kemahiran Pertanian anjuran Jabatan Pertanian Johor



Foto: Program Kebun Dapur di PKD Tanjung Sedili, Kota Tinggi Johor.

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 1: Johor Selatan), 2021